

**KENYATAAN TAWARAN SEBUTHARGA
BAHAGIAN PEMBANGUNAN
PEJABAT DAERAH DAN TANAH KLANG
NEGERI SELANGOR DARUL EHSAN**

SEBUTHARGA PDTK/PF/NEGERI/PRIHATIN/NO.25/2026

1. Tawaran Sebut harga adalah dipelawa daripada kontraktor-kontraktor berdaftar di Pusat Khidmat Kontraktor dan di Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan (CIDB) Gred G1, Kategori B04 dan CE21 yang dimiliki 100% oleh rakyat tempatan dan yang masih dibenarkan membuat tawaran pada masa ini akan diterima **PEJABAT DAERAH DAN TANAH KLANG, 41902 KLANG** (Bahagian Pembangunan) hingga pukul 12.00 tengahari pada 18 Mei 2026 bagi kerja seperti berikut:

KERJA-KERJA MEMBINA DAN MENYIAPKAN BANGUNAN BARU RUMAH 3 BILIK DI BAWAH PROGRAM BANTUAN KERAJAAN PRIHATIN (PPRT) UNTUK PUAN PARWATHI A/P M. MARIAPPAN DI NO. 325, LOT 1272, JALAN BUKIT KEMUNING, BATU 8, KAMPUNG JAWA, KLANG (BINAAN MENGIKUT PELAN / KAEDAH SISTEM BINAAN BERINDUSTRI (IBS))

2. Naskah tawaran boleh dirujuk terlebih dahulu di laman sesawang <https://tender.selangor.gov.my> sebelum membuat pembelian.
3. Borang / Dokumen sebut harga boleh dibeli dengan harga RM30.00 dengan menggunakan *online banking / credit card* melalui sistem e-tender / sebut harga melalui laman sesawang <https://tender.selangor.gov.my>.
4. Sampul Borang Sebut harga mestilah dijudulkan seperti yang ditetapkan dan borang sebut harga tawaran tersebut hendaklah dimasukkan dalam Peti Tawaran di PEJABAT DAERAH DAN TANAH KLANG, ARAS 1 (BAHAGIAN PEMBANGUNAN) 41902 KLANG, sebelum masa tawaran ditutup. Borang sebutharga yang lewat dikembalikan **TIDAK** akan dipertimbangkan untuk menyertai sebut harga ini. **SEMUA DOKUMEN SOKONGAN PERLU DILAMPIRKAN SELEPAS MUKASURAT TERAKHIR.**
5. Kontraktor-kontraktor yang telah berjaya mendapat Kerja Sebut harga pada tahun 2025, dipohon supaya tidak menyertai tawaran sebut harga bagi memberi peluang kepada kontraktor-kontraktor yang masih belum mendapat sebarang kerja projek pada tahun 2025.
6. Kerajaan tidak semestinya menerima Sebut harga yang paling rendah atau pun terikat kepada sebarang Sebut harga.

Tarikh: 7 MEI 2026

.....t.t.....
(ABDUL RAZAK BIN MAKSUD)
Ketua Penolong Pegawai
Daerah (Pembangunan)
b.p. Pegawai Daerah Klang.

PEJABAT DAERAH DAN TANAH
KLANG, JALAN KOTA,
41902 KLANG.

Telefon: 03-3382900

BIL. SEBUT HARGA :		
T/Tangan :	T/Tangan :	T/Tangan :
Tarikh :	Tarikh :	Tarikh :

SENARAI SEMAK (BEKALAN/PERKHIDMATAN / KERJA)

Sila tandakan ☒ bagi dokumen-dokumen yang disertakan

Bil	Perkara / Dokumen	Untuk Di tanda Oleh Syarikat	Untuk Di tanda Oleh Jawatankuasa Pembuka Sebut harga
1.	Salinan Sijil Pendaftaran Dari Pusat Khidmat Kontraktor (PKK)	☐	☐
2.	Salinan Sijil Pendaftaran Dari Pusat Khidmat Kontraktor (PKK) - Kerja	☐	☐
3.	Salinan Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) yang dikeluarkan oleh Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB)	☐	☐
4.	Salinan Sijil Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) Akta Pendaftaran Perniagaan 1956	☐	☐
5.	Borang Sebutharga telah diisi dengan lengkap (termasuk nilai tawaran dan tempoh siap) dan ditandatangani	☐	☐
6.	Pematuhan Kepada Spesifikasi (Butiran Kerja), Pelan Dan Arahan-Arahan Di dalam Dokumen Sbutharga	☐	☐
7.	Borang Maklumat Penyebutarga Dan Senarai Kakitangan Teknikal	☐	☐
8.	Salinan Penyata Bulanan Akaun Bank bagi tiga (3) bulan terakhir (wajib disertakan) – Feb, Mac, April 2026 . Penyata Kewangan WAJIB mndapat pengesahan daripada pihak bank. Pengesahan tandatangan yang DI IMBAS / 'SCAN' TIDAK DITERIMA .	☐	☐
9.	Resit Pembelian dokumen sebutharga (WAJIB) disertakan	☐	☐
10.	Surat Akuan Pembida ditandatangani	☐	☐
11.	Profail Syarikat (WAJIB) disertakan	☐	☐

<u>PENGESAHAN OLEH SYARIKAT</u> Dengan ini saya mengesahkan bahawa saya telah membaca dan memahami semua syarat-syarat dan terma yang dinyatakan di dalam dokumen sebut harga. Semua maklumat yang dikemukakan adalah benar. Tandatangan : Nama : Jawatan:..... Tarikh:	<u>UNTUK KEGUNAAN JABATAN</u> Jawatankuasa Pembuka Sebut harga mengesahkan penerimaan dokumen bertanda kecuali bagi perkara bil..... (jika ada) Tandatangan:..... Nama: Jawatan : Tarikh : Tandatangan:..... Nama: Jawatan : Tarikh :
--	---

SEBUT HARGA BAHAGIAN:	BAHAGIAN PEMBANGUNAN
NO. SEBUT HARGA:	PDTK/PF/NEGERI/PRIHATIN/NO.25/2026
PEMBORONG BUMIPUTRA SAHAJA	

Ruj. Tuan:
Ruj. Kami: PDTK/PF/NEGERI/PRIHATIN/NO.25/2026
Tarikh :

Sebut harga adalah diterima di Pejabat Daerah / Tanah Klang (Bahagian Pembangunan) sehingga pukul 12.00 tengahari 18 Mei 2026 bagi kerja-kerja berikut:

KERJA-KERJA MEMBINA DAN MENYIAPKAN BANGUNAN BARU RUMAH 3 BILIK DI BAWAH PROGRAM BANTUAN KERAJAAN PRIHATIN (PPRT) UNTUK PUAN PARWATHI A/P M. MARIAPPAN DI NO. 325, LOT 1272, JALAN BUKIT KEMUNING, BATU 8, KAMPUNG JAWA, KLANG (BINAAN MENGIKUT PELAN / KAEDAH SISTEM BINAAN BERINDUSTRI (IBS))

Nama Kontraktor :
Alamat :
.....
.....
No. Telefon :

Tuan,
Pejabat ini menjemput tuan mengemukakan sebut harga untuk kerja di atas. Sila kemukakan Borang Sebut harga yang telah diisi di dalam sampul surat yang telah dimeterai dan masukkan ke dalam peti sebut harga pejabat yang mengeluarkan borang tersebut.

2. Sila tulis dibahagian atas sampul surat berukuran 9" X 12" **Nama, Nombor Sebut harga, masa dan tarikh tutup** seperti yang disebut di atas dan alamat pejabat yang mengeluarkan sebut harga. Dokumen Sebut harga tidak boleh dilipat.

Sekian.

"SELANGOR MAJU BERSAMA"
"MALAYSIA MADANI"
"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,

.....t.t.....
(ABDUL RAZAK BIN MAKSUD)
Ketua Penolong Pegawai Daerah
(Pembangunan)
b.p. Pegawai Daerah Klang.

SEBUT HARGA BAHAGIAN:	BAHAGIAN PEMBANGUNAN
NO. SEBUT HARGA:	PDTK/PF/NEGERI/PRIHATIN/NO.25/2026
ARAHAN KEPADA PENENDER / PENYEBUTHARGA	

Tajuk Sebutharga:

KERJA-KERJA MEMBINA DAN MENYIAPKAN BANGUNAN BARU RUMAH 3 BILIK DI BAWAH PROGRAM BANTUAN KERAJAAN PRIHATIN (PPRT) UNTUK PUAN PARWATHI A/P M. MARIAPPAN DI NO. 325, LOT 1272, JALAN BUKIT KEMUNING, BATU 8, KAMPUNG JAWA, KLANG (BINAAN MENGIKUT PELAN / KAEDAH SISTEM BINAAN BERINDUSTRI (IBS))

1. **HAK KERAJAAN MENERIMA / MENOLAK SEBUT HARGA**

Kerajaan adalah tidak terikat untuk menerima Sebut harga yang terendah atau mana-mana Sebut harga atau memberi apa-apa sebab di atas penolakan sesuatu Sebut harga. Keputusan Jawatankuasa Sebut harga adalah muktamad.

2. **CARA-CARA MELENGKAPKAN DOKUMEN SEBUT HARGA**

2.1 **Penyediaan Sebut harga**

Kontraktor adalah dikehendaki mengisi segala maklumat berikut dengan sepenuhnya :

- (a) Harga dan tandatangan Kontraktor di Ringkasan Sebut harga,
- (b) Harga, tempoh dan tandatangan dalam Borang Sebut harga,
- (c) Senarai Kerja 5 tahun (wajib dilampirkan sesalinan surat tawaran berkenaan)
- (d) Tandatangan Perakuan kepada Syarat-syarat Am yang dikenakan.
- (e) Tandatangan kepada Bidang Kerja Utama
- (f) Tandatangan kepada Spesifikasi (jika ada).
- (g) Profail Syarikat (wajib dilampirkan)

Jika berlaku kesilapan dalam mengisi maklumat-maklumat di atas, Kontraktor hendaklah menandatangani ringkas semua pembetulan.

SEBUT HARGA BAHAGIAN:	BAHAGIAN PEMBANGUNAN
NO. SEBUT HARGA:	PDTK/PF/NEGERI/PRIHATIN/NO.25/2026
ARAHAN KEPADA PENENDER / PENYEBUTHARGA	

2.2 **Penyerahan Dokumen Sebut harga**

- (a) Dokumen Sebut harga yang telah diisi dengan lengkap hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat berlakri yang dicatatkan dengan bilangan Sebut harga serta tajuk Sebut harga dan hendaklah dimasukkan ke dalam peti Sebut harga pada masa dan tempat yang ditetapkan dalam Notis Sebut harga.
- (b) Sebut harga yang diserahkan selepas masa yang ditetapkan, tidak akan dipertimbangkan.
- (c) Kegagalan Kontraktor mengembalikan Dokumen Sebut harga pada tarikh tutup Sebut harga akan membolehkan Kerajaan mengambil tindakan tata-tertib.

2.3 **Penjelasan Lanjut**

Sekiranya terdapat maklumat dalam Dokumen Sebut harga yang tidak jelas atau bercanggah, Kontraktor boleh menghubungi pejabat ini untuk penjelasan lanjut.

SEBUT HARGA BAHAGIAN:

BAHAGIAN PEMBANGUNAN

NO. SEBUT HARGA:

PDTK/PF/NEGERI/PRIHATIN/NO.25/2026

ARAHAN KEPADA PENENDER / PENYEBUTHARGA

3. **PERBELANJAAN PENYEDIAAN DOKUMEN SEBUT HARGA**

Semua perbelanjaan bagi penyediaan Sebut harga ini hendaklah ditanggung oleh Petender sendiri.

4. **TEMPOH SAH SEBUT HARGA**

Sebut harga ini sah selama 90 hari dari tarikh tutup Sebut harga. Petender tidak boleh menarik balik sebutharganya sebelum tamat tempoh sah Sebut harga. Pengesyoran tindakan tatatertib akan diambil sekiranya kontraktor menarik sebutharganya sebelum tamat tempoh sah sebut harga. Tempoh ini boleh dengan persetujuan bersama dilanjutkan jika dan apabila perlu.

5. **BON PELAKSANAAN**

Penyebutharga yang berjaya dikehendaki mengemukakan Bon Pelaksanaan dengan kadar peratus yang ditetapkan seperti yang dijelaskan di dalam Pematuhan Syarat-Syarat Am Sebutharga di muka surat SA/7 berkaitan Bon Pelaksanaan Para 15 (a) (b) dan (c). Sekiranya pihak kontraktor kurang dari RM200,000.00 dan ke bawah maka Bon Pelaksanaan adalah tidak diperlukan.

SEBUT HARGA BAHAGIAN:	BAHAGIAN PEMBANGUNAN
NO. SEBUT HARGA:	PDTK/PF/NEGERI/PRIHATIN/NO.25/2026
BUTIRAN KERJA	

BUTIRAN SEBUT HARGA

KERJA-KERJA MEMBINA DAN MENYIAPKAN BANGUNAN BARU RUMAH 3 BILIK DI BAWAH PROGRAM BANTUAN KERAJAAN PRIHATIN (PPRT) UNTUK PUAN PARWATHI A/P M. MARIAPPAN DI NO. 325, LOT 1272, JALAN BUKIT KEMUNING, BATU 8, KAMPUNG JAWA, KLANG (BINAAN MENGIKUT PELAN / KAEDAH SISTEM BINAAN BERINDUSTRI (IBS))

Bil.	Butir- Butir Kerja	Unit	Kuantiti	Kadar (RM)	Jumlah (RM)
1.0	KEHENDAK PERMULAAN, SYARAT-SYARAT AM DAN PEMBERSIHAN TAPAK				
1.1	Caj-caj perkhidmatan bagi penyediaan dan pembekalan Insuran Pampasan Pekerja (<i>Workmen Compensation</i>) dan Kerja (<i>Public Libility / Contractor's All Risk</i>)	H / Pukal	-	-	
1.2	Gambar-gambar digital serta sesalinan <i>softcopy</i> menunjukkan kemajuan kerja sebelum, semasa dan selepas kerja siap dilaksanakan.	Bil	2 Set	100.00	200.00
1.3	Mengemas, membersihkan dan memperbaiki kawasan tapak apabila kerja-kerja siap dilaksanakan seperti diarahkan oleh Pegawai Penguasa.	H / Pukal	-	-	
1.4	Membekal dan memasang label papan tanda (Plak) pada dinding luar bahagian depan bangunan seperti dalam plan lukisan di lampiran.	H / Pukal	-	200.00	200.00
2.0	KERJA-KERJA BINAAN BANGUNAN				
	Membekalkan semua tenaga kerja mahir, bahan-bahan, alat-alat kelengkapan, jentera, pengangkutan dan semua barang-barang yang diperlukan untuk membina rumah seperti ditunjukkan dalam lukisan dan mengikut penentuan kerja seperti berikut :-				
	Penyediaan Tapak :				
2.1	Kerja-kerja penyediaan tapak adalah meliputi kerja meroboh, membuang, membersihkan, menambak dan meratakan tanah untuk penyediaan tapak termasuk kerja-kerja <i>setting out</i> bangunan dan kerja-kerja berkaitan seperti diarahkan oleh Pegawai Penguasa.	H / Pukal	-	-	
	Binaan Bangunan				
2.2	Membina dan menyiapkan sebuah bangunan rumah berukuran 9000mm (30'-0") x 6600mm (22'-0") mengandungi 3 bilik, 1 bilik air dan tandas serta kerja-kerja berkaitan sebagaimana pelan dan spesifikasi . Kerja-kerja ini termasuklah pembinaan asas, kerja-kerja struktur konkrit bertetulang, keluli dan kayu. Pembekalan dan pemasangan dinding, tingkap, pintu, dapur, kemasan lantai dan bumbung, siling, kerja-kerja mengecat bangunan, menyediakan sistem pembersihan, sistem bekalan air (<i>internal plumbing / pipping</i>) termasuk tangki simpanan air, pepasang kebersihan, longkang dan kerja-kerja berkaitan semuanya mengikut seperti di dalam pelan serta arahan Pegawai Penguasa.	Bil.	1		
JUMLAH DI BAWA KE BQ2/2					

SEBUT HARGA BAHAGIAN:

BAHAGIAN PEMBANGUNAN

NO. SEBUT HARGA:

PDTK/PF/NEGERI/PRIHATIN/NO.25/2026

BUTIRAN KERJA

BUTIRAN SEBUT HARGA

KERJA-KERJA MEMBINA DAN MENYIAPKAN BANGUNAN BARU RUMAH 3 BILIK DI BAWAH PROGRAM BANTUAN KERAJAAN PRIHATIN (PPRT) UNTUK PUAN PARWATHI A/P M. MARIAPPAN DI NO. 325, LOT 1272, JALAN BUKIT KEMUNING, BATU 8, KAMPUNG JAWA, KLANG (BINAAN MENGIKUT PELAN / KAEDAH SISTEM BINAAN BERINDUSTRI (IBS))

Bil.	Butir- Butir Kerja	Unit	Kuantiti	Kadar (RM)	Jumlah (RM)
	Jumlah dibawa dari BQ1/2				
3.0	KERJA-KERJA ELEKTRIKAL DAN PERPAIPAN				
3.1	Kerja-Kerja Elektrik :				
	Membekal, memasang dan menyediakan kerja-kerja elektrik semuanya mengikut seperti ditunjukkan dalam pelan termasuk mendapatkan kelulusan bekalan letrik dari pihak berkuasa berkenaan.	H / Pukal	-	-	
	Catatan : <i>Pemborong hendaklah melantik kontraktor yang berkeelayakan bagi menjalankan kerja-kerja pendawaian, pemasangan peralatan elektrik dan berdaftar dengan penguasa-penguasa bekalan bagi melaksanakan dan menguji sistem elektrik yang dibuat.</i> <i>Semua peralatan dan kelengkapan yang dipasang hendaklah merupakan yang baru dan belum digunakan dari jenama yang diluluskan oleh Penguasa berkenaan.</i>				
3.2	Kerja-Kerja Perpaipan :				
	Membekal, memasang dan menyediakan kerja-kerja perpaipan (<i>plumbing</i>) luaran dan dalaman seperti ditunjukkan dalam pelan untuk bilik air dan tandas termasuk mendapatkan kelulusan bekalan air dari pihak berkuasa berkenaan.	H / Pukal	-	-	
	Catatan : <i>Pemborong hendaklah melantik kontraktor yang berkeelayakan bagi menjalankan kerja-kerja perpaipan (<i>plumbing</i>), pemasangan peralatan dan berdaftar dengan penguasa-penguasa bekalan bagi melaksanakan dan menguji sistem perpaipan yang dibuat.</i> <i>Semua peralatan dan kelengkapan yang dipasang hendaklah merupakan yang baru dan belum digunakan dan jenis yang diluluskan oleh Penguasa berkenaan.</i>				
JUMLAH DI BAWA KE RINGKASAN PERAKUAN MUKTAMAD					

SEBUT HARGA BAHAGIAN:	BAHAGIAN PEMBANGUNAN
NO. SEBUT HARGA:	PDTK/PF/NEGERI/PRIHATIN/NO.25/2026
RINGKASAN TAWARAN	

RINGKASAN TAWARAN

KERJA-KERJA MEMBINA DAN MENYIAPKAN BANGUNAN BARU RUMAH 3 BILIK DI BAWAH PROGRAM BANTUAN KERAJAAN PRIHATIN (PPRT) UNTUK PUAN PARWATHI A/P M. MARIAPPAN DI NO. 325, LOT 1272, JALAN BUKIT KEMUNING, BATU 8, KAMPUNG JAWA, KLANG (BINAAN MENGIKUT PELAN / KAEDAH SISTEM BINAAN BERINDUSTRI (IBS))

BIL	BUTIRAN KERJA	M/SURAT	JUMLAH
1	KEHENDAK PERMULAAN, SYARAT-SYARAT AM DAN PEMBERSIHAN TAPAK	BQ1/2	
2	KERJA-KERJA BINAAN BANGUNAN	BQ1/2 & BQ2/2	
3	KERJA-KERJA ELEKTRIKAL DAN PERPAIPAN	BQ2/2	
	JUMLAH KESELURUHAN		

(Ringgit Malaysia:
.....)

Tempoh siap kerja:12..... (minggu)

.....
(Tandatangan Kontraktor)

.....
(Tandatangan Saksi)

Nama Penuh :

Nama Penuh:

No. K.P. :

No. K.P. :

Tarikh :

Meteri dan Cop kontraktor

SEBUT HARGA BAHAGIAN:

BAHAGIAN PEMBANGUNAN

NO. SEBUT HARGA:

PDTK/PF/NEGERI/PRIHATIN/NO.25/2026

BUTIRAN KERJA

1.0	KERJA-KERJA BINAAN BANGUNAN
1.1.	<u>PENYEDIAAN TAPAK</u> Membuka, meroboh rumah lama, membuang, membersihkan dan menambak, meratakan tanah untuk penyediaan tapak termasuk kerja-kerja 'setting out' bangunan dan kerja-kerja berkaitan seperti diarahkan oleh Pegawai Penguasa.
1.2	<u>STRUKTUR</u> a. Kerja-kerja mengorek dan menanam cerucuk bakau 100mm (g/p) x 5,480mm (panjang) seperti dinyatakan dalam pelan. b. Kerja membekal dan meratakan konkrit untuk pile-cap dengan lapisan BRC A6-1 lapis dan tebal 150 mm termasuk kerja-kerja acuan. c. Kerja membekal dan meratakan konkrit 'stump' dengan tetulang Y12/R6 termasuk kerja acuan. d. Kerja membekal dan meratakan konkrit ground beam 300 mm tebal x 150 mm lebar termasuk besi tetulang Y12/R6 termasuk kerja acuan. e. Kerja membekal dan memasang tiang konkrit siap 2700 mm (tinggi) x 100mm x 100mm berbesi tetulang 'starter bar'. f. Kerja-kerja konkrit 'roof beam' 200mm (tebal) x 150mm (lebar) termasuk besi tetulang Y10/R6 dan kerja acuan
1.3	<u>LANTAI</u> a. Kerja-kerja membekal, menambak dan memampat pasir setebal 100mm. b. Kerja-kerja membekal dan memasang BRC No. 66 untuk tetulang lantai gantung sebanyak 2 lapisan. c. Kerja-kerja meratakan konkrit untuk lantai konkrit (1:2:4) 100mm tebal, satu lapisan bitumen kalis lembap dan 20mm turapan simen yang dilepa licin. d. Kemasan lantai dan dinding jubin berkekaca seramik 150mm x 150mm (putih)
1.4.	<u>DINDING</u> 1.4.1. Kerja-kerja membekal dan memasang dinding bata campuran pasir dan simen, batu bunga dan kerja melepai termasuk pemasangan 'lintel' dibahagian atas bingkai pintu dan tingkap seperti yang dinyatakan dalam pelan.
1.5.	<u>BUMBUNG</u> 1.5.1. Kerja-kerja memasang bumbung mengikut spesifikasi berikut :- a. Penutup bumbung dari jenis 'Metal Deck' kelas B, berwarna biru. (tolok/gauge 30/0.45 mm tebal) Rangka bumbung mengikut saiz kayu yang dinyatakan dalam pelan.
1.6.	<u>SILING</u> 1.6.1. Kerja-kerja memasang struktur siling asbestos pada KESELURUHAN ruang bumbung luar dan dalam mengikut saiz kayu dan bahan yang dinyatakan dalam pelan.
1.7.	<u>KUNCI/PINTU/TINGKAP</u> 1.7.1. Kerja-kerja membekal dan memasang tingkap kaca boleh laras dengan rangka, cermin dan besi keselamatan mengikut bilangan dan saiz seperti dalam pelan:- a. Pintu hadapan dan belakang dari jenis pintu panel (<i>solid door</i> berkualiti sederhana) termasuk pemasangan engsel, kunci tombol dan selak besi. b. Pintu bilik dari papan lapis, berkunci jenis tuas dan selak besi (berkualiti sederhana). Pintu bilik air jenis PVC (berkualiti sederhana).

	KERJA-KERJA BINAAN BANGUNAN (Sambungan)
1.8.	<u>APRON DAN LONGKANG</u>
1.8.1.	Kerja-kerja membina apron sekeliling rumah dengan ukuran 900mm lebar dan 100mm tebal konkrit dan diperkuatkan dengan BRC A6.
1.8.2.	Kerja-kerja membina longkang separuh bulatan berdiameter 225mm dan 75mm tebal termasuk menambak tanah dan pemasangan kambi disekeliling rumah disambungkan ke longkang utama.
1.9.	<u>KEMASAN CAT</u>
1.9.1.	Kerja-kerja mengecat 3 lapisan cat termasuk 1 lapisan cat asas mengikut spesifikasi berikut :-
a.	Dinding luar dan dalam *Jenis Maxilite Plus ICI Paint (SUNFLOWER 16180/KRIM).
b.	Bingkai pintu, Bingkai tingkap, semua pintu bilik dan papan facia. *Jenis Glidden Hi Gloss (FIESTA 17134/OREN).
c.	Siling dan kambi *Jenis Maxilite Plus ICI Paint (15245/PUTIH).
2.0.	KERJA-KERJA ELEKTRIK DAN PERPAIPAN/AIR
2.1.	<u>ELEKTRIK</u>
	Kerja-kerja pendawaian elektrik dalaman mengikut pendawaian dan kelulusan pihak berkuasa untuk:
a.	Lampu/suis : 6 punca (termasuk pemasangan lampu kalimantang 36W - 2 set dan mentol bulat – 4 unit.
b.	Powerpoint : 4 punca (termasuk pemasangan plug soket).
c.	Suis utama dan kelengkapan lain.
d.	Pendawaian ke meter dan kelengkapan pemasangan meter.
e.	Kerja-kerja pengurusan pemasangan Meter elektrik dan penyambungan bekalan dari pihak TNB.
2.2.	<u>PERPAIPAN / AIR</u>
2.2.1.	Kerja-kerja pemasangan kelengkapan bilik air dan dapur:-
a.	Pemasangan paip dalaman dan saluran paip buangan mengikut spesifikasi dalam pelan:-
b.	Pemasangan sistem perpaipan luar rumah dari meter ke rumah.
c.	Sinki dapur dari sinki aluminium.
d.	Mangkuk tandas duduk dari jenis tembikar dan tangki air tandas dari jenis plastic serta pump.
e.	Kolah air dari jenis PVC (50 Gelen).
f.	Tangki najis dari jenis pembedung jenis paip konkrit bertetulang dan bertutup (1200mm diameter).
g.	Kelengkapan paip dari jenis PVC dan 'galvanise iron'.
h.	Tangki simpanan air (<i>indirect</i>) dari jenis HDPE.(200 Gelen)
i.	Kerja-kerja pengurusan pemasangan Meter air dan penyambungan bekalan dari pihak SYABAS.

Tandatangan : _____
(Kontraktor)

Nama : _____

No. Kad Pengenalan: _____

Tarikh : _____

Meteri dan Cop Kontraktor


SEBUT HARGA BAHAGIAN:


BAHAGIAN PEMBANGUNAN

NO. SEBUT HARGA:


PDTK/PF/NEGERI/PRIHATIN/NO.25/2026

PELAN 3 BILIK





SEBUT HARGA BAHAGIAN:	BAHAGIAN PEMBANGUNAN
NO. SEBUT HARGA:	PDTK/PF/NEGERI/PRIHATIN/NO.25/2026
PELAN 3 BILIK	




SEBUT HARGA BAHAGIAN:

NO. SEBUT HARGA:

PELAN 3 BILIK

BAHAGIAN PEMBANGUNAN

PDTK/PF/NEGERI/PRIHATIN/NO.25/2026




SEBUT HARGA BAHAGIAN:

BAHAGIAN PEMBANGUNAN

NO. SEBUT HARGA:

PDTK/PF/NEGERI/PRIHATIN/NO.25/2026

PELAN 3 BILIK




SEBUT HARGA BAHAGIAN:


NO. SEBUT HARGA:

PELAN 3 BILIK

BAHAGIAN PEMBANGUNAN

PDTK/PF/NEGERI/PRIHATIN/NO.25/2026






SEBUT HARGA BAHAGIAN:

NO. SEBUT HARGA:

PELAN 3 BILIK

BAHAGIAN PEMBANGUNAN

PDTK/PF/NEGERI/PRIHATIN/NO.25/2026



SEBUT HARGA BAHAGIAN:

BAHAGIAN PEMBANGUNAN

NO. SEBUT HARGA:

PDTK/PF/NEGERI/PRIHATIN/NO.25/2026

CONTOH PLAK RUMAH

CONTOH : PLAK RUMAH (STANDARD)
WARNA BELAKANG : *GOLD*



BANTUAN RUMAH (BINA BARU)
DI BAWAH PROGRAM KERAJAAN PRIHATIN
NEGERI SELANGOR TAHUN 2026

PENERIMA :

TARIKH TERIMA :

SEBUT HARGA BAHAGIAN:	BAHAGIAN PEMBANGUNAN
NO. SEBUT HARGA:	PDTK/PF/NEGERI/PRIHATIN/NO.25/2026
BORANG SEBUTHARGA	

Pegawai Daerah Klang
Jalan Kota
41902 Klang

Tuan,

KERJA-KERJA MEMBINA DAN MENYIAPKAN BANGUNAN BARU RUMAH 3 BILIK DI BAWAH PROGRAM BANTUAN KERAJAAN PRIHATIN (PPRT) UNTUK PUAN PARWATHI A/P M. MARIAPPAN DI NO. 325, LOT 1272, JALAN BUKIT KEMUNING, BATU 8, KAMPUNG JAWA, KLANG (BINAAN MENGIKUT PELAN / KAEDAH SISTEM BINAAN BERINDUSTRI (IBS))

Di bawah dan tertakluk kepada Arahan Kepada Petender, Syarat-Syarat Am Sebutharga, Spesifikasi Kerja dan pelan-pelan, saya yang bertandatangan di bawah ini adalah dengan ini menawarkan untuk melaksana dan menyiapkan kerja-kerja tersebut bagi jumlah harga pukal RMRinggit Malaysia.....

2. Saya bersetuju menyiapkan kerja-kerja ini dalam masaMinggu, dari tarikh akhir tempoh mula kerja seperti yang ditetapkan di bawah Fasal 2 Borang Inden Kerja.

Bertarikh pada haribulan

T/Tangan:
(Kontraktor)

T/Tangan:
(Saksi)

Nama Penuh :

Nama Penuh :

No. Kad Pengenalan :

No. Kad Pengenalan :

Atas Sifat

.....
Meteri atau Cop Kontraktor.

SEBUT HARGA BAHAGIAN:	BAHAGIAN PEMBANGUNAN
NO. SEBUT HARGA:	PDTK/PF/NEGERI/PRIHATIN/NO.25/2026
BORANG SEBUTHARGA	

KERJA-KERJA MEMBINA DAN MENYIAPKAN BANGUNAN BARU RUMAH 3 BILIK DI BAWAH PROGRAM BANTUAN KERAJAAN PRIHATIN (PPRT) UNTUK PUAN PARWATHI A/P M. MARIAPPAN DI NO. 325, LOT 1272, JALAN BUKIT KEMUNING, BATU 8, KAMPUNG JAWA, KLANG (BINAAN MENGIKUT PELAN / KAEDAH SISTEM BINAAN BERINDUSTRI (IBS))

BORANG MAKLUMAT PENYEBUTHARGA

1. Nama Syarikat :
2. Alamat Syarikat :
3. No. Telefon : No. Fax :
4. Ahli-Ahli Pengurusan

[illegible]

SENARAI PENGALAMAN KERJA

Senarai pengalaman kerja yang TELAH disiapkan dalam tempoh 5 tahun.

(SALINAN SURAT TAWARAN PERLU DIKEMUKAKAN BERSAMA SEBAGAI PEMBUKTIAN)

[illegible]

Senaraikan Nama-Nama Pekerja Binaan

[illegible]

Senaraikan Bilangan Aset Jentera Yang Dimiliki Sendiri

[illegible]

LAMPIRAN A

SURAT AKUAN PEMBIDA BERJAYA

TAJUK KERJA : **KERJA-KERJA MEMBINA DAN MENYIAPKAN BANGUNAN BARU RUMAH 3 BILIK DI BAWAH PROGRAM BANTUAN KERAJAAN PRIHATIN (PPRT) UNTUK PUAN PARWATHI A/P M. MARIAPPAN DI NO. 325, LOT 1272, JALAN BUKIT KEMUNING, BATU 8, KAMPUNG JAWA, KLANG (BINAAN MENGIKUT PELAN / KAEDAH SISTEM BINAAN BERINDUSTRI (IBS))**

Saya,.....Nombor K.P.....yang mewakili (.....) Nombor Pendaftaran Syarikat (.....) dengan ini mengisytiharkan bahawa saya atau mana-mana individu yang mewakili syarikat ini tidak akan menawar atau memberi rasuah kepada mana-mana individu dalam **PEJABAT DAERAH DAN TANAH KLANG** atau mana-mana individu lain, sebagai sogokan untuk dipilih dalam tender / sebut harga / cabutan undian / lantikan terus seperti di atas. Bersama ini dilampirkan Surat Perwakilan Kuasa bagi saya mewakili syarikat seperti tercatat di atas untuk membuat pengisytiharan ini.

2. Sekiranya saya, atau mana-mana individu yang mewakili syarikat ini didapati cuba menawar atau memberi rasuah kepada mana-mana individu dalam **PEJABAT DAERAH DAN TANAH KLANG** tender / sebut harga / cabutan undian / lantikan terus atau mana-mana individu lain sebagai sogokan untuk dipilih dalam tender / sebut harga / cabutan undian / lantikan terus seperti di atas, maka saya sebagai wakil syarikat bersetuju tindakan-tindakan berikut diambil :

- 2.1 Penarikan balik tawaran kontrak bagi tender / sebut harga / lantikan terus / undi di atas; atau
- 2.2 Penamatan kontrak bagi tender / sebut harga / lantikan terus / undi di atas; dan
- 2.3 Lain-lain tindakan tatatertib mengikut peraturan-peraturan perolehan Kerajaan yang berkuatkuasa.

3. Sekiranya terdapat mana-mana individu cuba meminta rasuah daripada saya atau mana-mana individu yang berkaitan dengan syarikat ini sebagai sogokan untuk dipilih dalam tender / sebut harga / cabutan undian / lantikan terus / undi seperti di atas, maka saya berjanji akan dengan segera melaporkan perbuatan tersebut kepada Suruhanjaya Pencegah Rasuah Malaysia (SPRM) atau balai polis yang berhampiran.

Yang Benar,

.....

Nama:

No.K/P:

Cop Syarikat :

SYARAT-SYARAT AM SEBUT HARGA

1. PEMERIKSAAN TAPAKBINA

- 1.1 Kontraktor disifatkan telah memeriksa dan meneliti tapak bina dan sekitarnya, bentuk dan jenis tapak bina, takat dan jenis kerja, bahan dan barang yang perlu bagi menyiapkan kerja, cara-cara perhubungan dan laluan masuk ke tapak bina dan hendaklah mendapatkan sendiri segala maklumat yang perlu tentang risiko, luar jangkaan dan segala hal-keadaan yang mempengaruhi dan menjejaskan sebutharganya. Sebarang tuntutan yang timbul akibat daripada kegagalan kontraktor mematuhi kehendak ini tidak akan dipertimbangkan.

2. INSURANS

Kontraktor dikehendaki mengambil Insurans-insurans berikut bagi sepanjang tempoh kerja dijalankan.

- 2.1. Insurans Tanggungan Awam (Public Liability) meliputi kerosakan kepada:

- a) Harta benda awam.
- b) Kemudahan awam seperti kabel TNB, STMB, Paip Air dan lain-lain.

Insurans di atas nama kontraktor dan Kerajaan Negeri Selangor Darul Ehsan / Kerajaan Malaysia. Jumlah kemalangan hendaklah tiada terhad bagi sepanjang tempoh kontrak.

- 2.2 Insurans Pampasan Pekerja (*Workmen's Compensation*) di atas nama kontraktor dan Kerajaan Selangor Darul Ehsan/Kerajaan Malaysia dengan nilai polisi tidak kurang 30% dari harga kontrak.

- 2.3 Kontraktor hendaklah mengemukakan kepada Pegawai Inden semua polisi insurans yang tersebut di atas sebelum memulakan kerja. Bagaimanapun untuk tujuan memulakan kerja sahaja Nota-nota perlindungan dan resit-resit bayaran premium adalah mencukupi. Sekiranya kontraktor gagal mengemukakan semua polisi insurans selepas tempoh sah Nota-nota Perlindungan, tanpa sebarang sebab yang munasabah, Pegawai Inden berhak mengambil tindakan seperti di bawah fasa 9 (d).

3. PERATURAN PERLAKSANAAN KERJA

- 3.1 Kerja-kerja yang dilaksanakan hendaklah mematuhi Spesifikasi, pelan-pelan, butir-butir kerja dalam Ringkasan Sebut Harga dan Syarat-syarat yang dinyatakan dalam Dokumen Sebut Harga ini dan arahan Pegawai Inden atau wakilnya. Sebarang penambahan kerja yang tidak tercatat dalam syarat tawaran, Pejabat Daerah dan Tanah Klang (PDTK) tidak akan bertanggungjawab untuk menjelaskan bayaran.
- 3.2 Kontraktor juga hendaklah mematuhi jadual projek iaitu tarikh mula dan tarikh siap dan sekiranya kontraktor menghadapi sebarang masalah hendaklah merujuk kepada Bahagian Pembangunan, Pejabat Daerah dan Tanah Klang (PDTK).
- 3.3 Kontraktor hendaklah melaporkan kepada Penolong Jurutera Pejabat Daerah dan Tanah Klang (PDTK) dan pihak pelanggan sebaik sahaja kerja-kerja dimulakan. Kontraktor hendaklah sentiasa memberikan maklumbalas tentang perkembangan projek dan mudah dihubungi dengan mengemukakan nombor telefon terkini dan alamat pejabat tetap.
- 3.4 Kerja-kerja yang dilaksanakan perlu kemas dan menepati prosedur yang betul. Perkara-perkara berikut hendaklah diberi perhatian :-
 - 3.4.1 Kekemasan semasa dan sesudah kerja-kerja dilaksanakan
 - 3.4.2 Untuk kerja-kerja mengecat, warna cat hendaklah dipersetujui oleh Pejabat Daerah dan Tanah Klang (PDTK) dan cat digunakan hendaklah bersesuaian dengan penjenisan cat sama ada kayu atau simen.
 - 3.4.3 Sisa-sisa bahan pembinaan hendaklah dibersihkan dan tidak boleh ditinggalkan sama sekali.
 - 3.4.4 Semasa kerja-kerja projek sedang dijalankan barang-barang dan alatan kerja perlulah disimpan dengan kemas dan teratur untuk mengelakkan berlakunya sebarang kemalangan yang tidak diingini.

4. PEMILIKAN TAPAK DAN KEGAGALAN KONTRAKTOR MEMULAKAN KERJA

Kontraktor hendaklah memulakan kerja dalam tempoh tujuh (7) hari dari tarikh Inden dikeluarkan dan hendaklah mengikut arahan & kelulusan Pegawai Inden atau wakilnya. Jika kontraktor gagal memulakan kerja dalam tempoh tujuh (7) hari tanpa sebarang sebab-sebab yang munasabah, Inden akan dibatalkan dan tindakan tatatertib akan diambil terhadap kontraktor mengikut syarat-syarat pendaftaran.

5. **SUB-SEWA DAN MENYERAHHAK KERJA**

Kontraktor tidak dibenarkan mengsub-sewakan kerja kepada kontraktor-kontraktor lain. Kontraktor tidak boleh menyerahkan hak apa-apa faedah di bawah Inden Kerja ini tanpa terlebih dahulu mendapatkan persetujuan bertulis daripada Pegawai Inden.

6. **PENOLAKAN BAHAN, BARANG DAN MUTU HASIL KERJA OLEH PEGAWAI INDEN**

- 6.1 Pegawai Inden atau wakilnya berhak menolak bahan, barang dan mutu hasil kerja jenis piawaian yang tidak menepati seperti diperihalkan dalam spesifikasi. Kontraktor hendaklah, apabila diminta oleh Pegawai Inden, memberi kepadanya baucar-baucar dan / atau perakuan ujian pengilang untuk membuktikan bahawa bahan-bahan dan barang-barang itu mematuhi Spesifikasi. Bahan, barang dan kerja-kerja yang ditolak hendaklah diganti dan sebarang kos tambahan yang terlibat hendaklah ditanggung oleh kontraktor sendiri.
- 6.2 Kontraktor hendaklah dengan sepenuhnya atas perbelanjaan sendiri menyediakan sampel bahan dan barang-barang untuk ujian.
- 6.3 Tiada penggantian untuk peralatan, bahan dan cara kerja yang telah ditentukan di dalam spesifikasi atau ditawarkan dan telah diterima, dibenarkan kecuali mendapat persetujuan daripada Pegawai Inden secara bertulis.

7. **RINGKASAN SEBUT HARGA**

- 7.1 Ringkasan Sebut Harga hendaklah menjadi sebahagian daripada Borang Sebut Harga ini dan hendaklah menjadi asas Jumlah Harga Sebut Harga.
- 7.2 Harga-harga dalam Ringkasan Sebut Harga hendaklah mengambil kira semua kos termasuk kos pengangkutan, cukai, duti, bayaran dan caj-caj lain yang perlu dan berkaitan bagi menyiapkan kerja dengan sempurnanya.
- 7.3 Tiada sebarang tuntutan akan dilayan bagi pelarasan harga akibat daripada perubahan kos buruh, bahan-bahan dan semua duti dan cukai Kerajaan, sama ada dalam tempoh sah sebut harga atau dalam tempoh kerja.
- 7.4 Harga-harga dalam Ringkasan Sebut Harga yang dikemukakan oleh Kontraktor hendaklah tertakluk kepada persetujuan sebelumnya daripada Pegawai Inden tentang kemunasabahannya. Persetujuan sebelumnya itu dan apa-apa pelarasan kemudiannya kepada harga-harga dalam Ringkasan Sebut Harga hendaklah dibuat sebelum Inden Kerja dikeluarkan.

7.5 Apa-apa pelarasan harga dalam Ringkasan Sebut Harga menurut perenggan 7.4 tersebut di atas dan apa-apa kesilapan hisab dalam Ringkasan Sebutharga hendaklah dilaras dan diperbetulkan sebelum Inden Kerja dikeluarkan. Jumlah amau yang dilaraskan hendaklah sama dengan amaun jumlah harga pukal dalam Borang Sebutharga. Amaun jumlah harga pukal dalam Borang Sebut Harga hendaklah tetap tidak berubah.

7.6 Sekiranya sebutharga berasaskan senarai kuantiti sementara, pengukuran semula hendaklah dibuat dan harga sebut harga diselaraskan.

8. **PERCANGGAHAN DAN KECUKUPAN DOKUMEN SEBUT HARGA**

8.1 Dokumen sebut harga adalah dikira sebagai saling jelas-menjelas antara satu sama lain. Kontraktor hendaklah mengadakan segala yang perlu untuk melaksanakan kerja dengan sewajarnya sehinggalah siap mengikut tujuan dan maksud sebenar. Dokumen sebut harga pada keseluruhan sama ada atau tidak tujuan dan maksud itu ada ditunjuk atau diperihalkan secara khusus, dengan syarat bahawa tujuan, maksud itu hendaklah difahamkan dengan munasabahnnya dari Dokumen Sebut Harga itu.

8.2 Jika kontraktor mendapati apa-apa percanggahan dalam Dokumen Sebut Harga dihendaklah merujuk kepada Pegawai Inden untuk mendapatkan keputusan.

9. **KEGAGALAN KONTRAKTOR MENYIAPKAN KERJA DAN PENAMATAN PERLANTIKAN KONTRAKTOR**

Pegawai Inden berhak membatalkan Inden sekiranya kontraktor berada dalam keadaan berikut dan setelah menerima surat amaran daripada Pegawai Inden :-

- 9.1 Sekiranya kontraktor masih gagal menyiapkan kerja dalam tempoh masa yang telah ditetapkan ;
- 9.2 Kemajuan kerja terlalu lembab tanpa apa-apa sebab yang munasabah ;
- 9.3 Penggantungan perlaksanaan seluruh atau sebahagian kerja tanpa apa-apa sebab yang munasabah ;
- 9.4 Tidak mematuhi arahan Pegawai Inden tanpa apa-apa alasan yang munasabah ;
- 9.5 Apabila kontraktor diisytiharkan bankrap oleh pihak yang sah.

10. **DENDA KELEWATAN KERJA / LIQUIDATED & ASCERTAINED DAMAGES (LAD)**

KATEGORI KELAS CIDB	HAD KOS KERJA	DENDA KELEWATAN SATU (1) HARI
G1	RM20,001-RM50,000	RM50.00
G1/G2	RM50,001-RM200,000	RM100
G2	RM200,001 – RM500,000	RM150.00

Gantirugi yang ditentukan dan ditetapkan (*Liquidated and Ascertained Damages/LAD*) akan dikenakan kontraktor / pembekal sekiranya gagal memenuhi sesuatu obligasi sebutharga yang telah ditetapkan sepertimana ditentukan atau dinilai mengikut jadual yang ditetapkan oleh Pihak Pegawai Penguasa.

11. PERMOHONAN LANJUTAN MASA

- 11.1 Apabila dikesan/ dijangka kerja tidak dapat disiapkan dalam tempoh siap kerja/ tempoh siap dilanjutkan, P.P. atau wakil P.P. hendaklah memastikan Kontraktor telah mengemukakan permohonan untuk lanjutan masa secara bertulis dengan menyatakan alasan-alasan kelewatan dan tempoh lanjutan masa yang diperlukan. P.P atau wakil P.P. juga seelok-eloknya mengingatkan Kontraktor supaya permohonan lanjutan masa tersebut dibuat sebelum tamat tempoh kontrak.
- 11.2 Walaubagaimanapun, sekiranya Kontraktor layak diberi lanjutan masa di bawah kontrak tetapi tiada permohonan lanjutan masa dari pihak Kontraktor, P.P. atau wakil P.P. hendaklah mengeluarkan PKLM.
- 11.3 P.P hendaklah memastikan semua polisi-polisi insuran, Bon Pelaksanaan (sekiranya Kontraktor memilih Gerenti Bank/ Institusi Kewangan Berlesen/ Insurans) serta Gerenti Bayaran Pendahuluan (sekiranya 'recoument' belum habis dibuat) telah disambung oleh Kontraktor sehingga projek disiapkan. Kegagalan Kontraktor mengemukakan lanjutan tempoh polisi-polisi insuran bukanlah sebab oleh pihak Kerajaan untuk tidak mengeluarkan PKLM. Klausu 33(c) memperuntukkan Kerajaan boleh membaharui insuran dan memotong sejumlah wang yang sama dengan amaun yang dibayar bagi premium dari apa-apa wang yang kena dibayar kepada Kontraktor.

12. KELAMBATAN DAN LANJUTAN MASA

Apabila didapati dengan munasabahnya jelas bahawa kemajuan kerja telah terlambat, **Penyebutharga hendaklah dengan serta merta memberi notis bertulis menyatakan sebab-sebab kelambatan kepada Pegawai Inden penyiapan kerja itu mungkin dilambatkan atau telah terlambat SEBELUM tarikh siap yang dinyatakan dalam Inden atau melebihi mana-mana tarikh siap** lanjutan yang telah ditetapkan dahulunya di bawah syarat ini :-

- 12.1 Oleh kerana *Force majeure*, atau
- 12.2 Oleh sebab apa-apa keburukan cuaca yang luar biasa, atau
- 12.3 Oleh sebab-sebab arahan-arahan yang diberikan oleh Pegawai Inden, berbangkit dari pertikaian dengan tuan-tuan punya berjiran dengan syarat ianya tidak disebabkan oleh apa-apa perbuatan kecuai atau kemungkinan di pihak Penyebutharga.
- 12.4 Oleh sebab kerugian atau kerosakan yang disebabkan oleh mana-mana satu atau lebih dari perkara luar jangka, atau
- 12.5 Oleh sebab arahan-arahan Pegawai Inden, atau
- 12.6 Oleh sebab Penyebutharga telah tidak menerima maklumat yang lengkap dalam masa yang wajar daripada Pegawai Inden, atau
- 12.7 Oleh sebab kelambatan memberi milik, atau

12.8 Oleh sebab apa-apa tindakan yang berpunca dari penyatuan pekerja-pekerja setempat, mogok atau tutup-pintu yang melibatkan mana-mana trend yang digunakhidmat atas kerja, dengan syarat ianya bukan disebabkan oleh apa-apa perbuatan, kecuaian atau kemungkinan yang tidak menjadi sebahagian dari Sebut Harga ini, atau

12.9 Oleh sebab Penyebutharga tidak berupaya kerana sebab-sebab yang tidak dapat dikawal olehnya dan yang tidak dapat diramalkan olehnya dengan munasabahnyanya pada tarikh penutupan sebut harga bagi sebut harga ini untuk mendapatkan apa-apa barang dan / atau bahan yang diperlukan untuk menjalankan kerja dengan sewajarnya

Maka Pegawai Inden hendaklah, sebaik sahaja memberi satu tempoh lanjutan masa yang munasabah dan Penyebutharga hendaklah sentiasa berusaha sedaya upaya menyiapkan kerja dengan memuaskan hati P.I. Perakuan yang dikeluarkan oleh P.I. di bawah syarat ini hendaklah disebut '**Perakuan Kelambatan dan Lanjutan Masa**'.

Pelanjutan masa bagi kontrak kerja bernilai melebihi **RM200,000.00 hingga RM500,000.00** dibenarkan tertakluk kepada kelulusan Jawatankuasa Sebut Harga terlebih dahulu.

13. **KERJA PERUBAHAN**

13.1 Pegawai Inden boleh menurut budi bicaranya mengeluarkan arahan-arahan yang berkehendak kan sesuatu perubahan kerja dengan cara bertulis. Tiada apa-apa perubahan yang dikeluarkan oleh Pegawai Inden atau yang disahkan kemudian oleh Pegawai Inden boleh membatalkan sebut harga ini.

13.2 Semua kerja perubahan dan/atau tambahan yang diluluskan oleh pegawai Inden akan diukur atau dinilai dengan menggunakan kadar harga yang ada dalam Senarai Kuantiti/Ringkasan Sebut Harga. Jika tidak terdapat sebarang kadar harga yang bersesuaian kadar harga yang dipersetujui oleh Pegawai Inden dan Kontraktor hendaklah digunakan.

14. **TEMPOH TANGGUNGAN KECACATAN (DLP)**

14.1 Tempoh tanggungan kecacatan bagi kerja sebut harga ini adalah selama enam (6) bulan dari tarikh kerja diperakukan siap.

14.2 Kontraktor dipertanggungjawabkan untuk membaiki kecacatan, ketidaksempurnaan, kekecutan atau apa-apa jua kerosakan lain yang mungkin kelihatan dan yang disebabkan oleh bahan atau barang atau mutu hasil kerja yang tidak menepati sebut harga ini apabila diarahkan oleh Pegawai Inden dan dalam masa yang berpatutan. Kontraktor hendaklah membaiki kecacatan, ketidaksempurnaan, kekecutan atau apa-apa jua kerosakan lain atas kos kontraktor sendiri.

- 14.3 Sekiranya kontraktor gagal membaiki kecacatan, ketidaksempurnaan, kekecutan atau apa-apa jua kerosakan lain seperti yang diarahkan, Pegawai Inden berhak memotong kos membaiki dari baki wang yang akan dibayar kepada kontraktor atau, jika baki itu tiada tidak mencukupi, mengeluarkan surat pengesyoran kepada Pusat Khidmat Kontraktor untuk menggantungkan pendaftaran kontraktor dan menghantar salinan-salinan surat tersebut kepada Pengarah Kerja Raya Negeri/Ketua Jabatan, Bahagian Pembangunan Bumiputera, Kementerian Kerja Raya dan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan. Bagi kerja-kerja elektrik/mekanikal, salinan surat hendaklah dihantar kepada Pengarah Cawangan Kerja Elektrikal/Pengarah Cawangan Kerja Mekanikal.

15. PERATURAN MEMBAYAR SELEPAS SIAP

Bayaran sepenuhnya hanya akan dibayar setelah kontraktor menyiapkan kerja dengan sempurna dan Perakuan Siap Kerja dikeluarkan. Kontraktor hendaklah mengembalikan Borang Inden Asal dan Borang Pengesahan Kerja Siap kepada Pegawai Inden.

16. PERAKUAN SIAP MEMPERBAIKI KECACATAN

Pegawai Inden hendaklah mengeluarkan Perakuan Siap Membaiki Kecacatan sebaik sahaja kontraktor telah membaiki kecacatan, ketidaksempurnaan, kekecutan atau apa-apa jua kerosakan lain.

17. BON PELAKSANAAN ATAU WANG JAMINAN PELAKSANAAN (WJP)

- 17.1 Sebelum sesuatu kerja dimulakan, kontraktor hendaklah mengemukakan Bon Pelaksanaan sebanyak 5 % daripada harga keseluruhan kerja sebut harga.

atau

- 17.2 Bon Pelaksanaan yang dikemukakan hendaklah dalam bentuk Jaminan Bank dari bank berlesen di bawah Akta Bank dan Institusi-institusi Kewangan 1989 atau jaminan Insurans yang dikeluarkan oleh syarikat berlesen di bawah Akta Insurans 1963.

- 17.3 Tempoh kuatkuasa Bon Pelaksanaan adalah meliputi tempoh Sebut Harga dan satu (1) tahun selepas tamat Tempoh Tanggungan Kecacatan.

atau

- 17.4 Sekiranya pihak kontraktor memilih Wang Jaminan Pelaksanaan (WJP), pihak kontraktor perlu mengemukakan surat permohonan kepada Pegawai Penguasa. Oleh yang demikian, Pegawai Penguasa berhak membuat pemotongan bayaran terus 5% daripada harga keseluruhan kontrak sewaktu tuntutan atau melalui penyata perakuan muktamad bayaran kerja ke Akaun Amanah. Wang Jaminan Pelaksanaan di Bendahari Negeri.

- 17.5 Tempoh tuntutan semula Wang Jaminan Pelaksanaan (WJP) adalah satu (1) tahun dari tempoh siap kerja diperakukan. Kontraktor perlu mengemukakan surat permohonan untuk diproses oleh Pegawai Penguasa.

18. **PERKHIDMATAN AGENSI-AGENCI LAIN.**

Kontraktor dikehendaki menguruskan dan merujuk dengan pihak TNB, TM dan SYABAS tentang pemotongan sementara bekalan semasa pelaksanaan kerja selari dengan perancangan kerja kontraktor. Segala tuntutan atau caj yang dikenakan oleh pihak yang berkenaan hendaklah ditanggung oleh kontraktor.

19. **PEMATUHAN KEPADA UNDANG-UNDANG OLEH KONTRAKTOR**

Kontraktor hendaklah mematuhi segala kehendak Undang-Undang Kecil dan Undang-Undang Berkanun dalam Malaysia semasa pelaksanaan kerja. Kontraktor tidak berhak menuntut sebarang kos dan bayaran tambahan kerana pematunhannya dengan syarat-syarat ini.

20. **PERINGATAN MENGENAI KESALAHAN RASUAH DALAM DOKUMEN PEROLEHAN KERAJAAN**

Sebarang perbuatan atau percubaan rasuah untuk menawar atau memberi, meminta atau menerima apa-apa suapan secara rasuah kepada dan daripada mana-mana orang berkaitan perolehan ini merupakan suatu kesalahan jenayah di bawah Akta Pencegahan Rasuah 1997.

20.2 Sekiranya mana-mana pihak ada menawar atau memberi apa-apa suapan kepada mana-mana anggota pentadbiran awam, maka pihak yang ditawarkan atau diberi suapan dikehendaki membuat aduan dengan segera ke pejabat Badan Pencegah Rasuah atau balai polis yang berhampiran. Kegagalan berbuat demikian adalah merupakan suatu kesalahan di bawah Akta Pencegahan Rasuah 1997.

20.3 Tanpa prejudis kepada tindakan-tindakan lain, tindakan tatatertib terhadap anggota perkhidmatan awam dan menyenaraihitamkan kontraktor atau pembekal boleh diambil sekiranya pihak-pihak terlibat dengan kesalahan rasuah di bawah Akta Pencegahan Rasuah 1997.

20.4 Mana-mana kontraktor atau pembekal yang membuat tuntutan bayaran berkaitan perolehan ini walaupun tiada kerja dibuat atau tiada barangan dibekal mengikut spesifikasi yang ditetapkan atau tiada mengesahkan tuntutan berkenaan adalah melakukan kesalahan di bawah Akta Pencegahan rasuah 1997.

21. **PEMBERSIHAN TAPAK**

21.1 Apabila kerja siap, segala sampah sarap dan lebihan tanah hendaklah dibersihkan mengikut arahan Pegawai Inden, Pejabat Daerah dan Tanah Klang atau wakilnya.

21.1 Pembakaran sampah secara terbuka / longgokan sampah di tapak adalah tidak dibenarkan sama sekali.

22. **PENJELASAN LANJUT**

Sebarang pertanyaan hendaklah dikemukakan ke Pejabat:-

PEJABAT DAERAH DAN TANAH KLANG,
JALAN KOTA, 41902 KLANG.
(BAHAGIAN PEMBANGUNAN)

23. **PENGAKUAN**

Saya / Kami bersetuju dan patuh kepada syarat-syarat yang dikenakan seperti di atas.

T/Tangan:
(Kontraktor)

T/Tangan:
(Saksi)

Nama :

Nama :

No. K.P :

No. K.P :

Tarikh :

Tarikh :